

POLA PENGGUNAAN KAMUS DALAM PROSES PEMBELAJARAN BAHASA ARAB: SATU TINJAUAN TERHADAP PELAJAR PUSAT TAMHIDI, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

THE PATTERN OF DICTIONARY USAGE IN LEARNING ARABIC LANGUAGE: A SURVEY ON STUDENTS OF TAMHIDI CENTRE, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Ahmad Asyraf Mat Aliⁱ, Mohd Naser Mohd Sabriⁱⁱ, Mohamad Hazwan Abdul Rahmanⁱⁱⁱ, Nurul Khadijah Mohamad^{iv} & Mohamad Shukri Yazid^v

ⁱ (Corresponding author). Guru Bahasa, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM). asyrafali@usim.edu.my

ⁱⁱ Guru Bahasa, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM). naser@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Guru Bahasa, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM). mohamadhazwan@usim.edu.my

^{iv} Guru Bahasa, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM). nurulkhadijah89@usim.edu.my

^v Guru Bahasa, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM). mshukri9891@usim.edu.my

<p>Abstrak</p>	<p><i>Proses pembelajaran bahasa tidak boleh lari daripada penggunaan kamus. Sama ada pembelajaran secara formal atau tidak. Ini kerana kamus dapat membekalkan perkataan yang diingini oleh pengguna. Namun begitu, tidak ramai yang tahu menggunakan kamus dengan betul. Setiap pengguna yang menggunakan kamus mengikut keperluan dan tujuan masing-masing. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji pola penggunaan kamus di kalangan pelajar program Tamhidi Perakaunan dan Muamalat dan kesannya terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Kajian ini lebih memfokuskan penggunaan kamus dwibahasa sahaja iaitu kamus Arab-Melayu dan Arab-Inggeris. Kaedah kuantitatif (melalui tinjauan) digunakan untuk mengenalpasti kepelbagaian pola penggunaan kamus semasa proses pembelajaran Bahasa Arab berlangsung. Borang kaji selidik diedarkan kepada responden yang merupakan pelajar program Tamhidi Perakaunan dan Muamalat. Hasil kajian mendapati bahawa kepelbagaian pola penggunaan kamus oleh pelajar-pelajar memberi kesan kepada pembelajaran Bahasa Arab.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Kamus, penggunaan, bahasa Arab, pengajaran, pembelajaran.</i></p>
<p>Abstract</p>	<p><i>The language learning process embraces the use of dictionaries in both formal and informal ways. This is because dictionaries contain words needed by language learners. However, many people do not know how to use the dictionaries appropriately, particularly amongst the students. Each student uses dictionary according to his / her needs. Therefore, this study aims at investigating the pattern of dictionary usage among students of Tamhidi in Accounting and Muamalat course especially dictionary used in learning Arabic language. The study focuses on bilingual dictionary use such as Arabic-Malay dictionary and Arabic-English dictionary. Quantitative method (through survey) was used to identify the diversity patterns of dictionaries usage during the process of learning Arabic. The survey was distributed to respondents who are students of Tamhidi Accounting and Muamalat. The study found that the diversity patterns of dictionaries usage affects students in learning Arabic. The findings of the survey are discussed in the paper.</i></p> <p><i>Keywords: dictionary, usage, Arabic language, teaching, learning.</i></p>

PENDAHULUAN

Penggunaan kamus di kalangan pelajar sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti amatlah penting bagi mengembangkan kosa kata sesuatu bahasa dan memahaminya dengan lebih mendalam. Tanpa kamus, tentunya pelajar akan berhadapan dengan kesusahan dalam pembelajaran.

Kamus sepertimana yang disebut dalam *The American College Dictionary* (1960) ialah buku yang berisi pilihan kata-kata sesuatu bahasa atau sesuatu kelas kata khusus, biasanya disusun mengikut abjad dengan penjelasan makna serta maklumat lain dinyatakan atau dilahirkan dalam bahasa yang sama atau dalam bahasa yang lain.

Manakala menurut Harimurti Kridalaksana (1982), kamus didefinisikan sebagai buku rujukan yang memuatkan daftar kata-kata atau gabungan kata dengan keterangan pelbagai makna dan penggunaan dalam bahasa, biasanya mengikut abjad.

Sementara itu, Barbara Ann Kripfer (1984) pula mendefinisikan kamus sebagai sebuah buku rujukan yang mengandungi perkataan daripada satu bahasa atau pelbagai bahasa secara kebiasaannya disusun mengikut susunan abjad berserta maklumat sebutan, fungsi perkataan dan maknanya serta ungkapan peribahasa dan simpulan bahasa.

Terdapat pelbagai jenis Kamus yang boleh didapati dan digunapakai oleh pengguna-pengguna kamus. Nukilan H.G Tarigan (1985) yang diambil daripada analisis Malkiel, T.A Sebeok dan Scerba (Zgusta, 1971) menyenaraikan jenis-jenis kamus yang terdapat dalam dunia Leksikografi. Antaranya ialah:

- i. Kamus ensiklopedik.
- ii. Kamus diakronik.
- iii. Kamus historis.
- iv. Kamus etimologi.
- v. Kamus sinkronik.
- vi. Kamus umum.
- vii. Kamus khusus (istilah).
- viii. Kamus singkatan.
- ix. Kamus sinonim.
- x. Kamus antonym.
- xi. Kamus sistematik.

Kamus dibukukan bukan sahaja untuk menyelesaikan permasalahan makna bagi sesuatu perkataan. Malah ia dibukukan untuk tujuan lebih daripada itu. Kamus memuatkan pelbagai maklumat berkenaan perkataan. Edgar dale et al. (1971) menyenaraikan sekurang-kurangnya 15 maklumat yang diberikan kamus untuk manfaat penggunaanya iaitu:

- i. Kata kepala atau entri.
- ii. Bentuk kata.
- iii. Ejaan dan ucapan.
- iv. Jenis kata.
- v. Sinonim dan antonim.
- vi. Konteks penggunaan kata.
- vii. Takrif.
- viii. Catatan penggunaan kata.
- ix. Ilustrasi penjelas takrif.
- x. Penerbitan kata turunan.
- xi. Contoh penggunaan kata.
- xii. Frasa.
- xiii. Petikan.
- xiv. Kata asing.
- xv. Rujuk silang.

Maklumat-maklumat ini tidak lain tidak bukan adalah bertujuan untuk memberi akses yang lengkap bukan sahaja pada makna perkataan yang diinginkan bahkan penggunaannya meluas kepada jenis, cara penggunaan, klasifikasi dan sebagainya.

PENGGUNAAN KAMUS

Menurut laporan kajian oleh Barnhart (1962) telah merekodkan bahawa pengguna kamus akan cenderung untuk melihat makna perkataan terlebih dahulu berbanding ejaan perkataan, sebutan, kata seerti, cara penggunaan dan etimologi perkataan yang dicari. Manakala laporan kajian Bejoint (1981) juga melaporkan bahawa pengguna kamus lebih cenderung melihat makna, tatabahasa, perkataan seerti, ejaan, sebutan dan kepelbagaian slanga serta etimologi. Manakala laporan kajian Hartmann (1983) ke atas kamus dwibahasa pula melaporkan pengguna kamus gemar melihat makna, tatabahasa, penggunaan perkataan dalam ayat, ejaan, perkataan seerti, sebutan dan juga etimologi.

Daripada ketiga-tiga kajian ini, menunjukkan bahawa kebanyakan pengguna-pengguna kamus akan cenderung meneliti makna perkataan terlebih dahulu berbanding maklumat lain yang terdapat dalam kamus. Laporan ini juga membuktikan bahawa tujuan utama pengguna-pengguna kamus ialah untuk mengetahui makna perkataan di samping tujuan-tujuan lain seperti yang telah disebutkan di atas.

Kamus Dan Pelajar

Sebagai pelajar bahasa sememangnya tidak dapat lari daripada memanfaatkan kamus sebagai sumber utama. Ini kerana proses pembelajaran tidak hanya berlaku dalam kelas semata-mata. Ia boleh berlaku juga di luar suasana kelas di mana kamus mengambil alih tugas guru ekoran ketiadaan guru untuk membantu pelajar. Menurut Cubillo (2002), kamus menjadi rujukan utama kepada pelajar apabila ketiadaan guru. Ini kerana kamus dapat memberi input yang bermanfaat dari segi bahasa dan budaya. Penggunaan kamus ini sebagai sumber utama oleh pelajar disokong oleh guru dan juga para penyelidik (Tseng, 2004).

Para penyelidik telah mendapati banyak rungutan di kalangan pelajar baru di peringkat pengajian tinggi. Mereka merungut kerana tidak dapat memahami makna sebenar perkataan dan juga mereka keliru dalam menentukan makna yang tepat bagi perkataan yang dicari (Jesun Ryu, 2006; Hartmann, 1999; Li, L. 1998). Justeru, Pelajar perlu berlatih menggunakan kamus kerana ia adalah satu keperluan dan sekiranya mereka tidak biasa dengan cara penggunaan kamus, mereka akan menghadapi masalah dan tidak dapat menggunakannya dengan sempurna (Fan, 2000; Su, 2003; Wright, 1998).

Di Pusat Tamhidi, subjek Bahasa Arab adalah subjek yang wajib dipelajari oleh semua pelajar daripada pelbagai program termasuk pelajar program Tamhidi Perakaunan dan Muamalat. Pelajar mesti mengambil subjek bahasa untuk memenuhi jam kredit mereka. Bagi pelajar program Tamhidi Perakaunan dan Muamalat, mereka memerlukan penggunaan kamus secara aktif kerana subjek yang dipelajari ialah Bahasa Arab penulisan. Ini bermakna, pelajar perlu selalu merujuk kamus untuk mengetahui maklumat berkenaan perkataan kerana ia akan digunakan dalam penulisan. Walaupun subjek ini bukanlah subjek teras mereka, namun pengabaianya secara total, boleh menjadi penyebab kejatuhan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) atau *Cumulative Grade Point Average* (CGPA) mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang berbentuk tinjauan. Kaedah kuantitatif digunakan bertujuan melihat dan mengkaji kepelbagaian pola penggunaan kamus di kalangan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Menurut ahli falsafah yang mengasaskan pendekatan Positivism yang juga nama lain kepada kuantitatif (Berg, 2004, Guba & Lincoln, 1989, Merriam, 1998) bahawa kaedah ini menjelaskan perkembangan ilmu pengetahuan yang lahir adalah diterima melalui pengamatan sesuatu objek yang positif yang mana objek tersebut dapat dikesan oleh pancaindera manusia. Kaedah kuantitatif ini juga pembolehubah yang berubah kuantitinya (Amir Hussin Baharuddin. 1989).

Secara ringkasnya, kajian kuantitatif ini berasaskan data yang terbentuk daripada nombor. Data ini diperolehi apabila pembolehubah yang menjadi pilihan responden diambil melalui instrumen memungut data iaitu borang soal selidik dan data tersebut diukur dengan menggunakan skala pengukuran yang bersesuaian (Lim Chong Hin, 2007). Dalam kajian

ini, soal selidik digunakan bagi memperolehi data (Cohen, Manoin & Marrison, 2000) menjelaskan bahawa antara sebab kajian ini menjadi popular adalah kerana ia dapat diaplikasikan dan disesuaikan dalam situasi yang pelbagai dan ia juga dapat ditadbir tanpa kehadiran penyelidik. Di samping itu, ia juga tidak melibatkan kos yang tinggi dan mudah untuk dianalisis.

Borang kaji selidik dibangunkan dalam talian dengan menggunakan Google Forms dan juga menggunakan skala Likert iaitu Sangat Tidak Bersetuju (1), Tidak Bersetuju (2), Tidak Pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat Bersetuju (5). Ia diedarkan kepada 100 responden yang merupakan pelajar program Tamhidi Perakaunan dan Muamalat. Borang kaji selidik ini juga digunakan untuk mengenalpasti tujuan dan matlamat pengguna-pengguna kamus semasa menggunakannya. Kajian ini lebih memfokuskan penggunaan kamus dwibahasa sahaja iaitu kamus Arab-Melayu dan Arab-Inggeris yang mana ia digunakan secara meluas oleh pelajar-pelajar di Pusat Tamhidi. Dalam borang kaji selidik, responden diminta menjawab soalan-soalan yang bertujuan untuk mengetahui perkara berikut:

- i. Menenalpasti kamus pilihan pelajar.
- ii. Menenalpasti tujuan penggunaan kamus.
- iii. Menenalpasti pola penggunaan kamus di kalangan pelajar.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 berikut menunjukkan seramai 94% pelajar memiliki kamus manakala 6% pelajar tidak memiliki kamus. Kamus yang dimaksudkan ialah kamus peribadi. Pemilikan kamus secara peribadi adalah penting kerana pelajar dapat memanfaatkan kamus tersebut pada bila-bila masa yang dikehendakinya.

Jadual 1. Pemilikan kamus

Adakah anda memiliki kamus?	KEKERAPAN (N)	PERATUS (%)
Ya	94	94.0
Tidak	6	6.0

Manakala jadual 2 berikut pula adalah rentetan daripada jadual sebelum ini yang mana pelajar yang memiliki kamus secara peribadi diminta untuk menyatakan jenis kamus yang dimiliki. Seramai 88% orang memilih kamus dwibahasa dan bakinya seramai 6% pelajar memilih kamus ekabahasa¹.

Jadual 2. Jenis kamus yang dimiliki pelajar

Jika jawapan anda "Ya", apakah jenis kamus yang anda miliki?	KEKERAPAN (N)	PERATUS (%)
Dwibahasa (Bilingual)	88	88.0
Ekabahasa (Monolingual)	6	6.0

Di samping itu, dikenal pasti adalah angka penggunaan kamus arab-melayu lebih tinggi berbanding penggunaan kamus Arab-Inggeris iaitu 84% pelajar memilih menggunakan kamus Arab-Melayu berbanding kamus Arab-Inggeris yang hanya seramai 16% pelajar. Kecenderungan ini adalah disebabkan keselesaan pelajar dalam penggunaan kamus Arab-Melayu yang merupakan bahasa ibunda mereka.

Jadual 3. Jenis terjemahan kamus yang digunakan

Antara kamus berikut, kamus manakah anda lebih utamakan?	KEKERAPAN (N)	PERATUS (%)
Arab-Inggeris	16	16.0
Arab-Melayu	84	84.0

¹ Ekabahasa bererti keseluruhan kandungan iaitu perkataan, takrif serta maklumat diberikan dalam satu bahasa (Kamus Dewan).

Jadual 4 berikut menunjukkan tujuan pelajar menggunakan kamus. Seramai 97% pelajar menggunakan kamus untuk mengetahui makna perkataan, manakala seramai 61 pelajar menggunakan kamus hanya untuk memastikan ejaan yang betul. Dan seramai 53% pelajar bertujuan mencari perkataan yang sesuai untuk digunakan. Sementara itu, seramai 47% pelajar ingin mengetahui perkataan baru, 43% pelajar ingin memastikan baris bagi perkataan yang dicari, 38% pelajar ingin mengetahui penggunaan yang betul, 17% pelajar ingin mengetahui jenis perkataan, 14% pelajar menggunakan kamus apabila disuruh oleh guru dan seramai 2% pelajar hanya mengikut rakan. Tujuan penggunaan kamus ini berbeza-beza adalah mengikut keperluan penggunaannya.

Jadual 4. Tujuan penggunaan kamus

Apakah tujuan anda menggunakan kamus?	KEKERAPAN (N)	PERATUS (%)
Kerana ingin memahami makna perkataan	97	97.0
Kerana disuruh oleh guru	14	14.0
Kerana disuruh oleh ibubapa	0	0
Kerana kawan-kawan saya menggunakannya	2	2.0
Memastikan ejaan	61	61.0
Mengetahui perkataan baru	47	47.0
Mencari perkataan yang sesuai utk digunakan	53	53.0
Memastikan baris perkataan	43	43.0
Mengetahui jenis perkataan	17	17.0
Mengetahui cara penggunaan perkataan dengan betul	38	38.0

Jadual 5 berikut pula menunjukkan tindakan yang diambil oleh pelajar sekiranya berhadapan dengan perkataan yang tidak diketahui samada perkataan itu baru atau tidak. Seramai 84% pelajar terus mencarinya dalam kamus manakala 9% pelajar hanya mengagak maknanya. Seramai 7% pelajar pula bertanya kepada guru.

Jadual 5. Pencarian makna perkataan

Apakah tindakan yang anda lakukan sekiranya tidak memahami sesuatu perkataan?	KEKERAPAN (N)	PERATUS (%)
Saya mencarinya dalam kamus	84	84.0
Saya mengagak maksudnya	9	9.0
Saya bertanya kepada guru semasa di sekolah	7	7.0
Saya tidak melakukan apa-apa	0	0

Tambahan pula, jadual 6 berikut menunjukkan apa yang dilihat oleh pelajar apabila menjumpai perkataan yang dicari. Seramai 57% pelajar melihat makna perkataan terlebih dahulu daripada ejaan perkataan yang mana hanya 26% pelajar sahaja yang melihatnya. Bilangan pelajar yang melihat sebutan perkataan ialah 8% orang manakala seramai 6% pelajar melihat jenis perkataan dan hanya 3% pelajar sahaja melihat pecahan makna bagi perkataan yang dicari.

Jadual 6. Susunan carian makna perkataan

Semasa anda menemui perkataan yang hendak dicari, apakah yang anda lihat terlebih dahulu	KEKERAPAN (N)	PERATUS (%)
Makna perkataan	57	57.0

Sebutan perkataan	8	8.0
Ejaan perkataan	26	26.0
Pecahan makna perkataan	3	3.0
Jenis perkataan	6	6.0

Selain itu, jadual 7 berikut menunjukkan pola penggunaan kamus di kalangan pelajar Tamhidi Perakaunan dan Muamalat Pusat Tamhidi. Seramai 49% daripada mereka bersetuju bahawa penggunaan kamus dapat membantu pembelajaran bahasa arab mereka. Ini kerana kamus ialah sumber asas penambahan kosakata kepada pelajar. Ia juga dapat dilihat bahawa pelajar lebih cenderung menggunakan kamus Arab-Melayu iaitu seramai 42% berbanding kamus Arab-Inggeris hanya 11% dan seramai 46% berbanding 5% yang berpendapat bahawa penggunaan kamus Arab-Melayu lebih mudah. Perbezaan yang begitu ketara ini juga disebabkan faktor lain iaitu faktor pengaruh bahasa utama pelajar yang mana mereka lebih mudah memahami perkataan yang diertikan dengan makna bahasa mereka.

Secara keseluruhannya, seramai 19% daripada pelajar yang merasa seronok menggunakan kamus semasa belajar namun tiada seorang pun yang berpendapat bahawa penggunaan kamus sesuatu yang membosankan. Penggunaan kamus untuk tujuan mengetahui makna adalah tujuan utama pelajar menggunakannya. Ini dapat dilihat seramai 55% bersetuju bahawa kamus membantu mereka mengetahui makna perkataan yang dicari manakala seramai 52% pula bersetuju bahawa kamus membantu mereka dari segi ejaan.

Namun yang demikian, seramai 36% tidak menolak penggunaan kamus bercetak ini adalah cara lama dan walaupun begitu mereka tetap memberi kepercayaan kepada kamus mereka. Secara ringkas, lebih separuh daripada jumlah pelajar mengakui kamus membantu mereka dalam mengenalpasti jenis perkataan dan cara penggunaannya. Ini terbukti apabila ramai antara mereka bersetuju setelah diajukan soalan tersebut. Di akhir soal selidik, pelajar ditanya berkenaan kemahiran menggunakan kamus seperti kemahiran mencari perkataan yang diingini dan penggunaan panduan sebutan serta maklumat tatabahasa yang terdapat dalam kamus. Sikap pelajar terhadap kamus adalah positif dan mereka selalu menggunakannya apabila mereka memerlukan. Ini terbukti apabila lebih separuh daripada mereka iaitu seramai 62% merujuk kamus untuk perkataan yang tidak diketahui.

Jadual 7. Pola penggunaan kamus

		SANGAT TIDAK SETUJU %	TIDAK SETUJU %	TIDAK PASTI %	SETUJU %	SANGAT SETUJU %
1	Saya menggunakan kamus untuk membantu pembelajaran bahasa Arab	0	0	10	49	41
2	Kamus arab-melayu membantu saya belajar bahasa Arab	0	0	5	53	42
3	Kamus arab-inggeris membantu saya belajar bahasa Arab	1	5	31	52	11
4	Penggunaan Kamus arab-melayu mudah	0	1	13	40	46
5	Penggunaan Kamus arab-inggeris mudah	1	7	46	41	5
6	Saya seronok menggunakan kamus	0	7	38	36	19
7	Kamus bantu menyebut perkataan dengan tepat	0	2	32	43	23
8	Penggunaan kamus membosankan	17	37	35	11	0
9	Kamus bantu mengetahui makna	1	0	7	55	37
10	Kamus bantu mengetahui ejaan	0	0	14	52	34
11	Penggunaan kamus adalah cara lama	17	33	36	13	1
12	Saya percaya kamus saya	0	2	37	50	11
13	Kamus bantu cara menggunakan perkataan	0	2	33	52	13

14	Kamus bantu saya cari perkataan yg diingini	0	1	16	61	22
15	Kamus bantu mengenalpasti perbezaan kata kerja	0	3	48	38	11
16	Kamus bantu mengenalpasti kata terbitan (مصدر)	1	6	38	38	17
17	Kamus bantu mengenalpasti katakerja (فعل)	0	2	31	48	19
18	Kamus bantu mengenalpasti اسم الفاعل dan اسم المفعول	1	7	40	39	13
19	Kamus bantu mengenalpasti الصفة (adj)	2	5	58	26	9
20	Kamus bantu mengenalpasti الفعل المتعدي	1	9	57	24	9
21	Kamus bantu mengenalpasti الفعل اللازم	1	9	57	24	9
22	Kamus bantu mengenalpasti peribahasa	6	25	47	17	5
23	Kamus bantu mengenalpasti kata seerti	1	10	22	50	17
24	Kamus bantu mengenalpasti kata berlawanan	1	12	28	44	15
25	Saya tidak dapat mencari perkataan yang dicari	7	21	51	19	2
26	Saya menyebut mengikut panduan sebutan pada perkataan	0	7	44	41	8
27	Saya menyimpan maklumat perkataan daripada kamus	4	14	39	36	7
28	Saya meneliti setiap perkataan di dalam kamus	4	15	49	25	7
29	Saya menggunakan maklumat tatabahasa di dalam kamus	2	18	54	18	8
30	Saya menggunakan kamus	1	4	25	57	13
31	Saya membaca definisi perkataan sepenuhnya	1	13	40	35	11
32	Saya merujuk maklumat tambahan yang terdapat di dalam kamus	3	14	44	32	7
33	Saya mencari setiap perkataan yang saya tidak tahu	1	9	28	45	17

Secara kesimpulannya, pelajar menggunakan kamus untuk membantu mereka dalam proses pembelajaran bahasa terutamanya Bahasa Arab. Daripada kaji selidik yang dijalankan, didapati kamus yang diminati oleh pelajar ialah kamus dwibahasa. Mereka seronok dan selesa menggunakannya. Walaubagaimanapun, pelajar tidak menggunakan maklumat yang terdapat dalam kamus. Mereka hanya menggunakannya mengikut tujuan mereka tanpa mengambil kira kepentingan maklumat yang wujud.

PERBINCANGAN

Secara jelas matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji pola penggunaan kamus di kalangan pelajar. Setiap penggunaan dengan cara yang berlainan akan menghasilkan kesan yang berbeza. Ini kerana pelajar yang menggunakan kamus disebabkan tidak tahu makna semasa pembacaan, akan mencari perkataan yang diingini dan melihat maknanya sahaja.

Manakala pelajar yang mempraktikkan bahasanya akan melihat bukan sahaja makna perkataan bahkan cara penggunaannya sekali untuk disesuaikan dalam ayat yang dibina. Ini kerana kecenderungan para pelajar melihat makna sahaja akan mengurangi kemahiran menulis sebaliknya ia sesuai bagi kemahiran membaca. Apabila melakukan aktiviti pembacaan, para pelajar selalunya tidak mengambil berat terhadap ejaan dan binaan perkataan kerana ia jelas tertulis dalam teks yang dibaca (Bo Svensen, 1993).

Begitu juga apabila mereka melakukan aktiviti menulis, ejaan, sebutan dan binaan perkataan menjadi sangat penting kerana para pelajar menggunakannya berdasarkan maklumat asas yang diketahuinya samada secara pasti atau kabur. Sekiranya ia adalah bahasa ibunda pelajar, mereka tidak mengalami kesulitan meneka ejaan dan binaan perkataan tersebut akan tetapi sekiranya bahasa tersebut adalah bahasa sasaran maka mereka akan mengalami kesukaran dan pemilihan ejaan perkataan itu akan bergantung kepada rasa yang diyakini (Bo Svensen, 1993).

PENUTUP

Kamus ialah buku yang mempunyai pelbagai maklumat tentang perkataan. Ia adalah sebaik-baik teman bagi pembelajaran bahasa. Penggunaannya secara tidak mengikut tatacara yang betul akan meminimumkan manfaat yang sepatutnya diperolehi. Sebagai pelajar, seharusnya mengetahui cara penggunaan kamus yang betul sebagaimana yang telah digariskan oleh pembuat kamus. Begitu juga, mereka hendaklah membiasakan diri mereka dengan pelbagai fungsi yang telah disediakan. Penggunaan secara menyeluruh dapat membantu mereka mengetahui lebih lanjut berkenaan perkataan dan ayat yang digunakan, seterusnya dapat meningkatkan keupayaan kemahiran mereka berbahasa.

Secara keseluruhannya, kamus boleh dikatakan sebagai sumber utama dalam perolehan kosakata dan maklumat yang berkaitan dengan perkataan. Ia bukan sahaja bahan yang digunakan di dalam kelas, malah ia juga turut digunakan dalam tempoh yang panjang (Fan, 2000; Huang, 2003). Daripada kajian ini, menunjukkan pelajar Tamhidi Perakaunan dan Muamalat lebih cenderung menggunakan kamus dwibahasa iaitu Arab-Melayu berbanding kamus ekabahasa. Kebanyakan mereka menggunakan kamus bagi tujuan memahami makna secara amnya dan juga bagi mengetahui ejaan secara khasnya.

Pelajar Tamhidi Perakaunan dan Muamalat secara aktifnya menggunakan kamus bagi merujuk setiap perkataan yang tidak jelas atau tidak diketahui maknanya. Oleh itu, amatlah penting setiap pelajar didedahkan dengan cara penggunaan kamus yang betul sama ada dengan cara memberi kerja yang memerlukan penggunaan kamus secara kerap, atau memasukkan subjek berkenaan penggunaan kamus, supaya proses pembelajaran bahasa menjadi lebih memberangsangkan dan efektif.

RUJUKAN

Buku

- Amir Hussin Baharuddin. 1989. *Kaedah Kuantitatif Suatu Pengenalan*. USM: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Guba & Lincoln. 1989. *Fourth Generation Evaluation*. Newbury Park. CA: Sage.
- Lim Chong Hin. 2007. *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. The Graq Hill Education: Selangor.

Jurnal

- Berg, B.L., 2004. *Qualitative Research Methods For The Sosial Science* (ed. ke-5) Boston: Pearson Education.
- Cohen, Manoin & Marrison. 2000. *Research Methods In Education* (ed. ke-5). London: RoutledgeFalmer.
- Cubillo, M. 2002. *Dictionary Use and Dictionary Needs of ESP students: An experimental Approach*. International Journal of Lexicography, 15(2), 206-228.
- Fan, M. Y. 2000. *The dictionary look-up behavior of Hong Kong students: A large-scale survey*. Education Journal, 28(1), 123-138.
- Hartmann, R. R. K. 1999. *Case Study: The Exeter University Survey of Dictionary Use*. In R. R. K.
- Hartmann (Ed.), *Thematic Network Project in the area of Languages Subproject 9: Dictionaries. Dictionaries in Language Learning*. Berlin: Freie Universitat
- Huang, D. 2003. *Taiwanese university English majors' beliefs about English dictionaries and their dictionary strategy use*. Unpublished PhD, University of Texas at Austin.
- Li, L. 1998. *A study of dictionary use by Chinese university learners of English for specific purposes*. PhD. Thesis. University of Exeter.
- Ryu, Jesun. 2005. *Dictionary use by Korean EFL college students*. Yonesi University. Retrieved from <http://hompi.sogang.ac.kr/linguistics/%BE%F0%C1%A4%BB%E77%C0%AF%C1%A6%BC%B1.pdf>

- Su, J. Y. 2003. *The effects of electronic dictionaries on reading comprehension and incidental vocabulary acquisition of senior high EFL students in Taiwan*. Unpublished master's thesis, National Kaohsiung Normal University, Taiwan.
- Tseng, F. 2009. *EFL Students' Yahoo! Online Bilingual Dictionary Use Behavior*. *English Language Teaching*, 2(3).
- Wright, J. 1998. *Dictionaries: Resource books for teachers*. Oxford: Oxford University Press.
- Merriam, S.B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey- Bass.

Internet

Positivis dan Non Positivis.
https://www.academia.edu/3510573/Positivis_dan_non_Positivis (diakses pada 26 April 2016).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.